




## IPT perlu cari formula pasarkan penerbitan ilmiah

KUCHING 26 Ogos — Semua pusat pengajian tinggi (IPT) perlu bekerjasama mencari formula terbaik untuk memasarkan bahan penerbitan ilmiah keluaran mereka dengan tujuan meningkatkan jualan selain memperluaskan manfaat ilmu kepada masyarakat.

Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Awang Tengah Ali Hassan berkata, usaha bersama melariskan jualan perlu dilakukan kerana sudah sekian lama cetakan dan jualan bahan penerbitan ilmiah terhad sekadar 500 hingga 1,000 naskhah bagi satu judul.

Beliau menarik perhatian, satu daripada cara melariskan jualan ialah menerusi muafakat antara kedai-kedai buku dalam kampus mempromosikan buku ilmiah penerbitan sendiri serta rakan-rakan IPT lain.



**AWANG Tengah Ali Hassan (kiri) menerima buku daripada Micheal Beckett Ligh sambil diperhatikan oleh Kharuddin Abdul Hamid di Kuching semalam.**

"Sasaran penerbit universiti sekurang-kurangnya dalam waktu terdekat ini hendaklah sekitar 2,500 naskhah bagi setiap tajuk, bukan lagi sekadar 500 sehingga 1,000 naskhah," ujarnya. Beliau menyatakan demikian semasa berucap meras-

mikan Seminar Penerbitan Ilmiah anjuran Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (Mapim) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini hari ini.

Awang Tengah yang juga Menteri Muda Pembangunan Perindustrian Sarawak berkata,

buku ilmiah hanya berguna jika mampu dipasarkan dan dibaca.

"Tiada makna kalau buku itu mengumpul debu dan habuk dalam stor, bagi saya buku yang tidak diedar dan dibaca sama nilainya dengan selonggok batu di tepi jalan," katanya.